

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : PENGAJARAN MATEMATIK
SEKOLAH RENDAH
KOD KURSUS : BBR 23503
KOD PROGRAM : BBR
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2016
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** Pengajaran berkesan sangat penting dalam pengajaran matematik.
- (a) Berikan definisi pengajaran berkesan dalam konteks pengajaran matematik. (3 markah)
- (b) Huraikan empat (4) kaedah pengajaran berkesan yang disenaraikan. (4 markah)
- (c) Huraikan perbezaan bagi keempat-empat kaedah yang dinyatakan. (18 markah)
- S2** Pembelajaran koperatif memberikan kesan yang positif dalam pencapaian akademik dan hubungan sosial pelajar.
- (a) Nyatakan maksud pembelajaran koperatif. (4 markah)
- (b) Terangkan aspek-aspek yang perlu dititikberatkan untuk mewujudkan suasana pembelajaran koperatif. (6 markah)
- (c) Huraikan lima (5) aktiviti beserta contoh yang dapat dipraktikkan dalam pembelajaran koperatif bagi mata pelajaran matematik di sekolah rendah. (15 markah)
- S3** Konsep kemahiran berfikir adalah konsep yang sering diberi penekanan oleh guru-guru bagi menggalakkan pelajar menggunakan kemahiran kognitifnya.
- (a) Berikan maksud konsep kemahiran berfikir. (4 markah)
- (b) Jelaskan bagaimana Kemahiran Berfikir secara Kreatif dan Kritis (KBKK) dapat meningkatkan kognitif pelajar. (6 markah)
- (c) Sebagai seorang guru, bincangkan pendekatan yang boleh anda gunakan untuk menggalakkan proses KBKK ini dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. (15 markah)

S4 Zoltan Dienes menyatakan enam peringkat pembelajaran matematik iaitu :

Peringkat 1: Permainan Bebas (Free Play)
Peringkat 2: Permainan Berstruktur (Games)
Peringkat 3: Mencari Ciri-ciri (Searching for Communalities or Common Characteristic)
Peringkat 4: Perwakilan Gambar (Representation)
Peringkat 5: Perwakilan Simbol (Symbolisation)
Peringkat 6: Formalisasi (Formalisation)

Rajah S4

- (a) Berdasarkan Rajah S4, nyatakan pada peringkat manakah yang sesuai untuk sesi pengajaran dan pembelajaran matematik murid Tahun 5? (2 markah)
- (b) Cadangkan satu situasi bagi setiap Peringkat 1 dan Peringkat 2 dalam Rajah S4. Huraikan aktiviti yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam situasi yang dicadangkan. (8 markah)
- (c) Bincangkan kesesuaian Peringkat 5 dalam pengajaran matematik Tahun 4. (15 markah)

-SOALAN TAMAT-